

**Johor kekal destinasi pelaburan terpenting - Abdul Ghani
Utusan Online
September 29, 2011**

JOHOR BAHRU 28 Sept. - Johor kekal menjadi salah sebuah destinasi pelaburan terpenting di negara ini meskipun pelbagai tohmahan tidak berasas dilemparkan terhadap negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, sejak beberapa tahun lalu sejumlah besar pelaburan telah berjaya diperoleh dan ada antaranya sedang rancak dibangunkan.

"Johor kekal sebagai salah satu lokasi tumpuan pelabur asing. Malah ada orang dari Pulau Pinang datang ke sini untuk menjalankan perniagaan dan bekerja.

"Kita tidak memerlukan persaingan tidak sihat seperti ini," katanya ketika diminta mengulas temu bual Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dengan media asing di Singapura baru-baru ini yang mendakwa rakyat negara itu berkemungkinan diculik sekiranya berurusan di Johor.

Beliau ditemui selepas menghadiri Majlis Pelancaran Kejohanan Hoki Antarabangsa Bawah 21 Tahun Piala Sultan Johor 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar. Turut berangkat Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang merupakan Presiden Persekutuan Hoki Malaysia.

Abdul Ghani turut meminta rakyat negara ini untuk menilai sendiri kepimpinan Guan Eng.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0929&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm